



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1980
DR.44/1980

Naskah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihan-
raya 1957.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-
UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan
persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang
bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripa-
nya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya
Pilihanraya (Pindaan) 1980 dan hendaklah disifatkan
sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1980. Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.
2. Jadual Pertama kepada Akta Suruhanjaya Pilihan-
raya 1957 adalah dipinda dengan menggantikannya
dengan yang berikut: Pindaan
bagi Jadual
Pertama.
Akta 31.

“

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

1. PENERUSI:

Gaji	...	...	...	...	...	\$4,210 sebulan
------	-----	-----	-----	-----	-----	-----------------

2. AHLI-AHLI:

Elaun tetap	...	...	...	...	\$3,040 sebulan
-------------	-----	-----	-----	-----	-----------------

3. ELAUN MEMANGKU :

Jika sekiranya seseorang ahli menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi selama suatu tempoh yang lebih daripada dua puluh lapan hari, maka ia adalah berhak mendapat elaun memangku yang senilai dengan perbezaan di antara elaun tetapnya dengan gaji Pengerusi.”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 dengan tujuan untuk menyelaraskan gaji Pengerusi dan elaun tetap ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya dengan kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan di bawah penyemakan gaji baru-baru ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1079.]